

TATACARA BAGI KEMASUKAN, PENAHANAN, PEMERIKSAAN DAN KAJIAN SEMULA PESAKIT DALAM, DAN PELEPASAN ATAU PEMINDAHAN PESAKIT DARI, HOSPITAL PSIKIATRI

Kemasukan atau penahanan pesakit sukarela ke dalam hospital psikiatri

3. (1) Sesuatu permohonan bagi kemasukan sebagai pesakit sukarela ke dalam mana-mana hospital psikiatri di bawah subseksyen 9(1) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 1**.

(2) Perintah bagi penahanan pesakit sukarela dalam hospital psikiatri oleh pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar di bawah subseksyen 9(5) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 2**.

Permohonan, saranan atau perintah bagi kemasukan atau penahanan pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri

4. (1) Sesuatu permohonan bagi kemasukan sebagai pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri oleh saudara orang yang disyaki bercelaru mental di bawah perenggan 10(1)(a) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 3**.

(2) Saudara pesakit yang dirujuk dalam subperaturan (1) yang memberikan maklumat palsu dalam Borang 3 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Sesuatu saranan bagi kemasukan sebagai pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri oleh pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar di bawah perenggan 10(1)(b) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 4**.

(4) Sesuatu perintah bagi kemasukan sebagai pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri oleh seseorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar di bawah seksyen 14 Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 5**.

Perintah bagi penahanan dan perintah penahanan lanjut pesakit tidak sukarela dalam hospital psikiatri oleh Pengarah Perubatan dan lain- lain

6. (1) Sesuatu perintah bagi penahanan pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri oleh Pengarah Perubatan hospital psikiatri di bawah subseksyen 10(5) dan 14(4) hendaklah dibuat dalam **Borang 6**.

(2) Sesuatu perintah bagi penahanan lanjut pesakit tidak sukarela dalam hospital psikiatri oleh dua pegawai perubatan atau dua pengamal perubatan berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 10(8)(b) dan 14(7)(b) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 7**.

(3) Perintah yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah ditandatangani oleh dua pegawai perubatan atau dua pengamal perubatan berdaftar dalam masa tiga hari bekerja di antara satu sama lain dan perintah itu hendaklah bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan dari tarikh terkemudian di antara dua tandatangan itu.

Perintah bagi penahanan lanjut pesakit tidak sukarela dalam hospital psikiatri oleh Pelawat

7. Sesuatu perintah bagi penahanan lanjut pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri oleh Pelawat di bawah perenggan 44(2)(b) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 8**.

Arahan bagi penahanan lanjut pesakit tidak sukarela dalam hospital psikiatri oleh Pelawat

8. Sesuatu arahan bagi penahanan lanjut pesakit tidak sukarela ke dalam hospital psikiatri oleh Pelawat di bawah perenggan 45(2)(c) dan (4)(c) dan subseksyen 45(5) Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 9**.

Permohonan bagi pelepasan pesakit tidak sukarela dari hospital psikiatri

9. (1) Sesuatu permohonan bagi pelepasan pesakit tidak sukarela dari hospital psikiatri oleh pesakit tidak sukarela atau saudara pesakit tidak sukarela itu di bawah seksyen 16 Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 10**.

(2) Pengarah Perubatan hendaklah memaklumkan keputusan permohonan itu kepada pemohon yang dinyatakan dalam Borang 10 dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan permohonan itu.

Pemberitahuan berkenaan dengan pelepasan pesakit kepada Mahkamah

10. Pemberitahuan di bawah seksyen 21 Akta oleh Pengarah Perubatan kepada Mahkamah berkenaan dengan pelepasan pesakit yang ditahan menurut subseksyen 55(1) atau seksyen 73 Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 11**.

Pemindahan pesakit tidak sukarela

11. (1) Sesuatu perintah yang mengarahkan pemindahan pesakit tidak sukarela daripada hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan yang lain oleh Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya di bawah seksyen 19 Akta hendaklah dibuat dalam **Borang 12**.

(2) Pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab ke atas hospital psikiatri swasta yang diwartakan atau Pengarah Perubatan hospital psikiatri kerajaan hendaklah, sebelum melaksanakan perintah dirujuk dalam subperaturan (1), memastikan bahawa-

- (a) pengaturan dibuat terlebih dahulu dengan hospital psikiatri yang menerima;
- (b) ringkasan klinikal pesakit tidak sukarela itu disediakan; dan
- (c) pesakit tidak sukarela itu dihantar dengan penjagaan yang sesuai.

(3) Hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan yang menerima pesakit hendaklah memastikan penerusan perintah penahanan yang dibuat sebelum pemindahan pesakit tidak sukarela ke hospital psikiatri itu.